

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



PENERIMAAN DASAR PENDIDIKAN:
SUATU TINJAUAN AWAL

ACCEPTANCE OF EDUCATIONAL POLICY: A PRELIMINARY STUDY

Mohd Faiz Mohd Yaakob ^{1*}, Mohamad Khairi Haji Othman ², Aliff Nawi ³ Mat Rahimi Yusof ⁴,
Muhammad Faizal A Ghani ⁵, Aziah Ismail ⁶

- ¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mohd.faiz@uum.edu.my
- ² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: m_khairi@uum.edu.my
- ³ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: aliffnawi@uum.edu.my
- ⁴ Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia
Email: mrahimiy@uum.edu.my
- ⁵ Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Malaysia
Email: mdfaizal@um.edu.my
- ⁶ Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia
Email: aziahismail@usm.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 22.11.2022

Revised date: 10.01.2023

Accepted date: 30.01.2023

Published date: 01.03.2023

To cite this document:

Yaakob, M. F. M., Othman, M. K., Nawi, A., Yusof, M. R., Ghani, M. F. A., & Ismail, A. (2023). Penerimaan Dasar Pendidikan: Suatu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (49), 14-21.

DOI: 10.35631/IJEPC.849002

Abstrak:

Kajian yang bersifat empirikal memerlukan tinjauan awal ataupun juga dikenali sebagai kajian rintis. Ini bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur boleh digunakan dalam kajian sebenar dengan lebih baik. Artikel ini bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Soal selidik ini dibangunkan hasil adaptasi daripada soal selidik Penerimaan Dasar oleh Tamra, Pierce pada 2014. Dapatan kajian menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian mencapai tahap minimum yang diperlukan. Diharapkan kajian ini menyumbang kepada perkembangan akademik dan berupaya untuk memberikan maklumat yang baik kepada pelaksana dasar pendidikan.

Kata Kunci:

Penerimaan Dasar Pendidikan, Pengurusan Pendidikan, Pentadbiran Pendidikan, Perancangan Pendidikan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstract:

An empirical study requires an initial survey or also known as a pilot study. This is to ensure the validity and reliability of the measuring instrument can be used in real studies better. This article aims to determine the validity and reliability of the questionnaire. This questionnaire was developed as an adaptation of the Policy Acceptance questionnaire by Tamra, Pierce in 2014. The findings of the study show that the validity and reliability of the study reached the minimum required level. It is hoped that this study contributes to academic development and is able to provide good information to implementers of education policy.

Keywords:

Adoption of Education Policy, Education Management, Education Administration, Education Planning

Pendahuluan

Penerimaan adalah konsep yang bermula dalam psikologi. Konsep ini digunakan secara meluas untuk disepadukan dengan pengetahuan sains sosial yang lain. Justeru, artikel ini mengintegrasikan konsep prinsip penerimaan ini kepada penerimaan dasar pendidikan. Dasar pendidikan penting untuk diterima dengan baik bagi mengelakkan keputusan yang tidak pasti pada masa hadapan. Proses mendapatkan data awal seperti kajian rintis, dan sokongan literatur yang mantap adalah asas dalam kajian. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan instrument disamping menggunakan tinjauan literatur mengenai penerimaan dasar pendidikan. Dalam suatu konteks, ahli psikologi telah lama mengkaji sikap dan tingkah laku dan sehingga tahun 1925, sarjana meneliti sikap dan tingkah laku, membawa kepada hipotesis baru (Tamra Pierce, 2014). Secara asasnya dapat difahami, sikap menjelaskan tingkah laku manusia (Tamra Pierce, 2014; Seong, 2005). Sikap yang baik dapat diperhatikan melalui tingkah laku yang baik.

Sorotan Literatur

Kajian ini menggunakan sorotan karya sistematik yang menggunakan *data-base Scopus*. *Scopus* ialah pangkalan data yang digunakan dalam menyerlahkan karya dengan mantap. Pangkalan data ini melibatkan hasil ilmiah dengan lebih daripada 11,678 penerbit di seluruh dunia. Proses mengenal pasti (*Identification*) mendapati carian rekod daripada database menunjukkan sebanyak 120 artikel telah dikenal pasti. Selepas itu, proses saringan (*Screening*) daripada tahun 2017 sehingga 2021 mendapati hanya 21 sahaja artikel telah dipilih. Proses seterusnya, kelayakan (*Eligibility*) dilaksanakan dan mendapat terdapat 5 tema iaitu, Penerimaan; Dasar; Model; Sosial dan Pendidikan. Proses akhir atau kemasukan (*Included*) pula mendapati 12 artikel yang begitu berkait rapat dengan permasalahan yang dikaji. Hal ini dinyatakan seperti Rajah 1.

Lima tema telah dikenal pasti sebagai Penerimaan; Polisi; Model; Sosial; Pendidikan disepadukan dalam jadual 1 untuk menunjukkan pautan mereka dan mensintesis dapatan. Penerimaan ialah tema tertinggi bagi tema lain (Sobri, Ariffin, dan Sharaai 2021; Kim, Shim, dan Park 2021; Cho et al. 2021; Wang dan Kim 2021; Thorman et al. 2020; Hong, Ye, dan Fan 2019; Cheng dan Tsou 2018; Rodriguez-Sanchez et al. 2018; Hong dan Chang 2018; Aschemann-Witzel et al. 2016; Wu dan Wu 2015).


Tema kedua ialah Dasar. Tema ini adalah hasil dapatan daripada (Sobri et al. 2021; Kim et al. 2021; Cho et al. 2021; Wang and Kim 2021; Azimy et al. 2020; Thorman et al. 2020; Cheng dan Tsou 2018; Rodriguez -Sanchez et al. 2018; Hong dan Chang 2018; Aschemann-Witzel et al. 2016; Wu dan Wu 2015). Penggunaan dasar juga dianggap sebagai penghalang kepada kebebasan organisasi pendidikan. Namu, apabila polisi diterima sebagai positif, perkara yang tidak sepatutnya berlaku boleh dicegah dari awal (Busher, Choudhury, dan Thomas 2019).

Model diklasifikasikan sebagai tema ketiga. Ini adalah hasil kajian (Cho et al. 2021; Cheng dan Tsou 2018; Hong dan Chang 2018). Kajian tentang model dasar dan keberkesanan cenderung memberi tumpuan kepada kebimbangan pakar dan bukannya pihak berkepentingan. Terdapat model penerimaan dasar pendidikan yang telah dibina untuk menganalisis integrasi standard kompetensi, pendidikan teknikal-vokasional, dan pengajaran. Kajian ini meneroka perkaitan antara nilai pengajaran progresif, persepsi mudah memahami dan aplikasi dasar, persepsi kegunaan kepada pelajar, dan sikap terhadap pelaksanaan dasar. Selain itu, Pemodelan persamaan struktur digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif daripada 257 peserta. Keputusan menunjukkan bahawa pengajaran nilai progresif dikaitkan dengan persepsi kemudahan pengetahuan dasar dan aplikasi dalam bilik darjah, nilai kepada pelajar, dan sikap terhadap pelaksanaan dasar. Kemudahan pengetahuan dan aplikasi dasar yang dirasakan adalah penting dalam menjelaskan paradigma penyelidikan jangkaan-nilai. Hasil daripada kajian ini, model penerimaan dasar boleh digunakan untuk mengkaji pelbagai dasar berkaitan pendidikan dan pembentukan dasar. (Hong dan Chang 2018)

Tema seterusnya ialah sosial. Penerimaan dasar dari aspek sosial sangat penting kerana sosial membentuk masyarakat. Tema ini adalah hasil kajian oleh (Wang dan Kim 2021; Thorman, Whitmarsh, and Demski 2020; Aschemann-Witzel, Bech-Larsen, dan Capacci 2016).

Dasar pendidikan memerlukan kajian untuk guru memahami bagaimana sesuatu dasar itu perlu dilaksanakan dan insentif perlu diwujudkan untuk guru berhubung dengan itu (Hong dan Chang 2018).

Dalam soal penerimaan dasar pendidikan, pendidikan dikenal pasti sebagai faktor yang melibatkan campur tangan kerajaan. Tema ini dihasilkan daripada kajian (Busher, Choudhury, and Thomas 2019; Hong dan Chang 2018; Harring dan Jagers 2018; Hong dan Chang 2018; Boufoy-Bastick (2015). Kerajaan mempunyai sesuatu hasrat akan memperkenalkan dasar pendidikan untuk menjadi diamalkan oleh guru, agar cita-cita kerajaan tercapai suatu hari nanti. (Harring dan Jagers 2018). Dasar kerajaan yang buruk memberi kesan buruk kepada infrastruktur sosial negara. Pendidikan merupakan perkhidmatan awam yang terjejas teruk apabila sesuatu dasar itu mendatangkan kesan buruk. dan memberikan hasil kepada pembinaan negara dan kemakmuran menurut BoufoyBastick (2015).

Rajah 1. Proses Sorotan Karya Sistematis

Metodologi

Metodologi kajian ini menggabungkan kajian secara kualitatif dan kuantitatif atau juga dikenali (*Mix-Method*). Kajian kualitatif melibatkan analisis dokumen yang melibatkan analisis dokumen daripada artikel-artikel daripada *data-base Scopus*. Kajian kuantitatif pula melibatkan responden seramai 40 orang. Bilangan lelaki seramai 15 orang merangkumi 37.5% dan perempuan seramai 24 orang merangkumi 62.5%. Sementara itu, daripada segi umur, diantara 27-35 tahun, seramai 10 orang merangkumi 25%; 36-49 tahun, seramai 26 orang merangkumi 65%; dan melebihi 50 tahun, seramai 4 orang iaitu merangkumi 10%.

Jadual 1. Demografi Berdasarkan Jantina

	Bilangan	Peratus
Lelaki	15	37.5
Perempuan	25	62.5
Jumlah	40	100.0

Jadual 2. Demografi Berdasarkan Umur

	Bilangan	Peratus
27-35 tahun	10	25.0
36-49 tahun	26	65.0
Melebihi 50	4	10.0
Jumlah	40	100.0

Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik

Pengkaji menjalankan kesahan muka kepada tiga orang guru bagi mendapatkan kefahaman mereka mengenai soal selidik. Selepas ini, pengkaji menjalankan kesahan kandungan dengan memberikan soal selidik tersebut kepada lima orang pakar yang dilantik dalam bidangnya bagi mengesahkan bahawa item-item yang dibina mewakili konstruk yang diukur, termasuk ketetapan penggunaan bahasa dan ejaan frasa ayat (Ghazali Darusalam, 2016). Kesahan kandungan pula merujuk kepada sejauh mana pemboleh ubah yang diukur berkaitan dengan konsep atau kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Untuk memastikan soal selidik ini menepati apa yang hendak diukur, pengkaji telah melantik lima orang panel penilai pakar. Jumlah panel penilai pakar ini menepati seperti yang dicadangkan oleh Lynn iaitu seramai lima sehingga 10 orang pakar (Lynn, 1986). Pengubahsuaian alat ukur berdasarkan keperluan dibuat selepas mendapat maklum balas dari penyelia dan juga panel pakar yang terlibat.

Kebolehpercayaan ialah konsistensi sesuatu alat kajian untuk mengukur perkara yang sepatutnya diukur (Fraenkel, Wallen, & Hyun, 2012). Kebolehpercayaan juga merujuk pada keupayaan sesuatu pengukuran memperoleh nilai yang serupa apabila pengukuran yang sama diulangi. Mohd Awang Idris (2018) menyatakan kajian rintis adalah sejenis penyelidikan yang dijalankan ke atas sekumpulan responden serupa dengan sampel kajian yang betul untuk mengkaji kebolehpercayaan secara konsisten dan kebolehpercayaan yang akan dijalankan dalam kajian sebenar. 30 responden boleh dianggap sebagai sampel yang mencukupi. Dalam kajian ini, 40 responden telah digunakan.

Terdapat beberapa kelebihan menjalankan kajian rintis seperti yang diterangkan oleh Fauzi, Jamal, dan Mohd Saifoul (2014) seperti yang disenaraikan di bawah:

- membenarkan penyelidik melakukan ujian hipotesis dengan lebih tepat;
- memberi peluang kepada pengkaji untuk membuat penemuan yang lebih jelas dalam perkara sebenar belajar;
- mbolehkan penyelidik membuat perubahan dan kaedah mengumpul dan menganalisis data dalam kajian sebenar;
- memutuskan sama ada kajian sebenar boleh dilaksanakan atau tidak.

Soal selidik yang telah dilengkapkan oleh guru dalam kajian rintis telah dianalisis menggunakan IBM SPSS Versi 26 untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan. Pengkaji menggunakan pekali Alpha Cronbach untuk menguji kebolehpercayaan kajian ini. Nunally (1967) mendapati nilai alfa antara 0.5 dan 0.6 masih boleh diterima dalam kajian. Chua (2016), bagaimanapun, membuat kesimpulan bahawa nilai alfa melebihi 0.8 adalah nilai yang baik, namun, nilai alfa 0.6 masih boleh diterima terutamanya dalam kajian awal. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan nilai *Cronbach's alpha* ialah 0.94, kesemua item yang berjumlah (19) dan mencapai nilai minimum kebolehpercayaan. Untuk pemboleh ubah Penerimaan (0.885) item sebanyak (5); Manfaat (0.863) item sebanyak (6); Sikap Terhadap Penggunaan (0.898) item sebanyak (5); dan Tingkah Laku (0.971) item sebanyak (3). Hal ini dinyatakan seperti Jadual 3;4;5;6 dan 7.

Jadual 3. Cronbach's alpha untuk Penerimaan

<i>Cronbach's alpha</i>	Item
0.885	5

Jadual 4. Cronbach's alpha untuk Manfaat

<i>Cronbach's alpha</i>	Item
0.863	6

Jadual 5. Cronbach's alpha untuk Sikap Terhadap Penggunaan

<i>Cronbach's alpha</i>	Item
0.898	5

Jadual 6. Cronbach's alpha untuk Tingkah Laku

<i>Cronbach's alpha</i>	Item
0.791	3

Jadual 7. Cronbach's alpha untuk Keseluruhan

<i>Cronbach's alpha</i>	Item
0.949	19

Perbincangan

Menurut Azizi, Peter Voo, Ismail Maakip, dan Mohd Dahlan A. Malek (2017), instrumen kajian atau juga dikenali sebagai penanda aras merupakan antara kriteria yang paling penting kerana perkara ini diperlukan untuk mengumpul maklumat tentang konsep dan idea kajian. Apabila menggunakan alat kajian, perbincangan mengenainya mestilah berdasarkan perkaitan alat kajian dengan kajian yang dijalankan (Othman Mohamed, 2017). Oleh itu, kajian ini menggunakan soal selidik kerana sebagai instrumen umum yang biasa digunakan untuk mengumpul data dalam penyelidikan dalam bentuk tinjauan (Ramlee, Jamal Nordin Yunus dan Marinah, 2020).

Selain itu, soal selidik mempunyai kelebihan kerana kosnya rendah berbanding instrumen kajian lain. Selain itu, kaedah ini tidak memerlukan teknik penyoalan seperti temu bual secara bersemuka dan melibatkan soal jawab yang seragam dalam pengumpulan data (Fauzi Husin, Jamal Ali, dan Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2014). Selain itu, kaedah soal selidik menghasilkan item yang konsisten dan boleh dipercayai sekiranya ia disediakan dengan betul (Chua, 2016). Tambahan pula, Fuad Mohamed Berawi (2017), menyatakan soal selidik membolehkan penyelidik mendapatkan seberapa banyak maklumat dalam jangka masa pendek. Selain itu, soal selidik adalah kaedah yang realistik untuk mendapatkan maklumat, selain menjimatkan dan ia juga boleh diedarkan dalam konteks yang berbeza-beza kepada orang pilihan dan dikendalikan (Ramlee Ismail, Jamal Nordin Yunus dan Marinah Awang, 2020). Menjalankan tinjauan melalui soal selidik membolehkan penyelidik menyediakan cara untuk mengumpul kuantiti pengetahuan yang banyak tentang mana-mana subjek.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, setelah menggunakan sorotan karya dan kajian awal, Instrumen Penerimaan Dasar Pendidikan adalah sesuai digunakan untuk menilai tahap penerimaan dasar dalam kalangan guru.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia (KPT) melalui *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2022/SSI07/UUM/02/11).

Rujukan

- Aschemann-Witzel, J., T. Bech-Larsen, and S. Capacci. 2016. "Do Target Groups Appreciate Being Targeted? An Exploration of Healthy Eating Policy Acceptance." *Journal of Consumer Policy* 39(3):285–306. doi: 10.1007/s10603-016-9327-7.
- Azimy, M. W., G. D. Khan, Y. Yoshida, and K. Kawata. 2020. "Measuring the Impacts of Saffron Production Promotion Measures on Farmers' Policy Acceptance Probability: A Randomized Conjoint Field Experiment in Herat Province, Afghanistan." *Sustainability* (Switzerland) 12(10). doi: 10.3390/SU12104026.
- Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip, & Mohd Dahlan A. Malek. (2017). *Kaedah penyelidikan dalam pendidikan*. Kota Kinabalu: UMS Press.
- Boufooy-Bastick B. Rescuing language education from the neoliberal disaster: Culturometric predictions and analyses of future policy. *Policy Futures in Education*. 2015;13(4):439-467. doi:10.1177/1478210315571221
- Busher, J., T. Choudhury, and P. Thomas. 2019. "The Enactment of the Counter-Terrorism' Prevent Duty' in British Schools and Colleges: Beyond Reluctant Accommodation or Straightforward Policy Acceptance." *Critical Studies on Terrorism* 12(3):440–62. doi: 10.1080/17539153.2019.1568853.
- Cheng, H. T., and K. W. Tsou. 2018. "Mitigation Policy Acceptance Model: An Analysis of Individual Decision Making Process toward Residential Seismic Strengthening." *International Journal of Environmental Research and Public Health* 15(9). doi: 10.3390/ijerph15091883.
- Cho, J., Y. Cheon, J. W. Jun, and S. Lee. 2021. "Digital Advertising Policy Acceptance by Out-of-Home Advertising Firms: A Combination of TAM and TOE Framework." *International Journal of Advertising*. doi: 10.1080/02650487.2021.1888562.
- Chua, Yan Piaw. (2016). *Mastering Research Methods* 2nd Edition.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Fraenkel, Jack & Wallen, Norman & Hyun, Helen. (2011). *How to Design and Evaluate Research in Education*. McGraw-Hill Education.
- Fuad Mohamed Berawi. (2017). *Metodologi penyelidikan: Panduan menulis tesis*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hong, J. C., and J. O. Chang. 2018. "Constructing an Educational Policy Acceptance Model to Explore Attitudes toward Policy Implementation: Using an Industrial Competency Standards System in Science and Technology Universities." *Journal of Research in Education Sciences* 63(2):251–84. doi: 10.6209/JORIES.201806_63(2).0010.
- Hong, J. C., J. H. Ye, and J. Y. Fan. 2019. "Policy Acceptance of Technical Vocational Education: A Perspective from a New Act on Field Study." *Journal of Research in Education Sciences* 64(1):181–212. doi: 10.6209/JORIES.201903_64(1).0007.
- Kim, J., J. Shim, and J. H. Park. 2021. "Exploring the Role of Citizen Participation in the Policy Acceptance Process: The Case of Korean Nuclear Facilities." *Journal of Asian Public Policy*. doi: 10.1080/17516234.2021.1996868.
- Lynn, M. R. (1986). Determination and Quantification Of Content Validity. *Nursing Research*.

- Mohd. Awang Idris. (2018). *Metodologi penyelidikan sains sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Niklas Harring & Sverker C. Jagers (2018) Why do people accept environmental policies? The prospects of higher education and changes in norms, beliefs and policy preferences, *Environmental Education Research*, 24:6, 791-806, DOI: 10.1080/13504622.2017.1343281
- Nunnally, J. C. (1967). *Psychometric Theory*. New York: McGraw-Hill.
- Othman Mohamed. (2017). *Penulisan tesis dalam bidang sains sosial terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Policy Acceptance Model (PAM)*. Doctoral Thesis. The George Washington University. United State.
- Ramlee Ismail, Jamal @ Nordin Yunus, & Marinah Awang. (2020). *Analisis data dan pelaporan dalam penyelidikan pendidikan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rodriguez-Sanchez, C., G. Schuitema, M. Claudy, and F. Sancho-Esper. 2018. "How Trust and Emotions Influence Policy Acceptance: The Case of the Irish Water Charges." *British Journal of Social Psychology* 57(3):610–29. doi: 10.1111/bjso.12242.
- Seong, Wong Kim. (2005). *A Model of Trust In Internet Banking. The Case of Penang*. Master Thesis. Universiti Sains Malaysia. Malaysia.
- Sobri, F. A. M., M. Ariffin, and A. H. Sharaai. 2021. "Systematic Review of Public Acceptance of Solar Policies: A Conceptual Framework of Policy Acceptance." *Journal of Advanced Research in Fluid Mechanics and Thermal Sciences* 81(2):36–51. doi: 10.37934/arfmts.81.2.3651.
- Tamra Pierce. (2014). *Extending the Technology Acceptance Model: Policy*
- Teo, T. (2010). Establishing gender structural invariance of technology acceptance model (TAM). *The Asia-Pacific Education researcher*, 19(2), 311–320.
- Thorman, D., L. Whitmarsh, and C. Demski. 2020. "Policy Acceptance of Low- Consumption Governance Approaches: The Effect of Social Norms and Hypocrisy." *Sustainability (Switzerland)* 12(3). doi: 10.3390/su12031247.
- Wang, J., and S. Kim. 2021. "Multilevel Analysis of Social and Policy Acceptance of Immigrants across European Countries and Its Implications for Comparative Policy." *Journal of Comparative Policy Analysis: Research and Practice* 23(4):416–67. doi: 10.1080/13876988.2020.1777099.
- Wu, X. N., and X. Wu. 2015. "Do the Compensatory Effects of Outcome and Procedure on Policy Acceptance Depend on Trust in Authority?" *Social Behavior and Personality* 43(9):1429–40. doi: 10.2224/sbp.2015.43.9.1429.